

30hb. April. 1979.

Semua Yang Di Pertua,  
Mahkamah Mesyuarat,  
Semenanjung Malaysia.

Semua Mejisiteret,  
Mahkamah Mejisiteret,  
Semenanjung Malaysia.

Pekeliling Pendaftaran (U) No. 4 Tahun 1979.  
Penetapan Kes-kes (Fixing of Cases)

Pekeliling ini adalah sebagai sambungan kepada Pekeliling Pendaftaran (U) No. 3/79. Setelah Jadual Persidangan ditetapkan maka adalah menjadi tanggung-jawab Yang Di Pertua dan Majisteret untuk menentukan cara penetapan kes-kes yang baik. Dalam perkara ini ibu pejabat tidak dapat memberi arahan-arahan yang khusus kerana keadaan di sesuatu tempat itu kerap-kali berlainan dengan keadaan di tempat lain. Maka ter-serailah kepada kebijaksanaan semua Yang Di Pertua dan Mejisiteret untuk mengkaji keadaan di Mahkamah-mahkamah masing-masing, terutama sekali tentang volume dan jenis-jenis kes-kes di Mahkamah-mahkamah berkenaan dan menentukan cara penetapan kes-kes yang paling sesuai bagi Mahkamah masing-masing. Dalam berbuat demikian beberapa faktor hendaklah diambil perhatian:

(a) Tugas menetapkan kes-kes hendaklah diambil berat sendiri oleh semua Yang Di Pertua dan Mejisiteret. Tugas tersebut tidak sepatutnya diserahkan bulat-bulat kepada Jurubahasa-jurubahasa tanpa sebarang guidance dan supervision.

(b) Semua Yang Di Pertua dan Mejisiteret hendaklah dari suatu masa ke suatu masa mengkaji kedudukan backlog di Mahkamah masing-masing, bukan sahaja dari segi banyaknya, tetapi juga dari segi jenisnya. Sebagai misalan, mungkin bilangan kes-kes sibil di Mahkamah "A" tidak banyak, tetapi kerana Mahkamah tersebut terlalu menitikberatkan kes-kes jenayah, maka kes-kes sibil di Mahkamah itu tidak mendapat perhatian langsung dan mengambil masa bertahun-tahun sebelum selesai. (Saya difahamkan ada juga Mejisiteret-mejisiteret yang "takut" hendak membicarakan kes-kes sibil oleh sebab itu terus menangguhkan kes-kes tersebut dari suatu masa ke suatu masa. Keadaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku).

(c) Setelah membuat "assessment" tentang volume dan jenis-jenis kes di Mahkamah masing-masing, Yang Di Pertua dan Mejisiteret hendaklah menetapkan masa yang patut dikhaskan untuk perbicaraan tiap-tiap jenis supaya tiap-tiap jenis mendapat perhatian sepatutnya. Misalunya, bagi Mahkamah yang mempunyai seorang sahaja Mejisiteret, mungkin sehari atau dua hari seminggu patut dikhaskan untuk perbicaraan kes-kes sibil. Bagi tempat-tempat yang mempunyai lebih dari seorang Mejisiteret, mungkin seorang (atau lebih) Mejisiteret patut dikhaskan untuk membicarakan kes-kes sibil sahaja. Bagi Mahkamah-mahkamah yang tidak banyak kes-kes dan bersidang jarang-jarang, mungkin tidak perlu, malah tidak baik, dibuat penetapan khusus seperti itu. Sekali lagi terserailah kepada kebijaksanaan Mejisiteret Mejisiteret itu menetapkan cara yang sesuai bagi setiap keadaan di Mahkamah-mahkamah berkenaan, malahan semua jenis kes-kes sibil.

(d) Bagi tiap-tiap suatu jenis kes, dalam menetapkan tarikh perbicaraan, keutamaan hendaklah diberi kepada kes yang patut diutamakan seperti Penyiasatan Awal, kes-kes yang dimana orang-orang yang kena tuduh berada di dalam tahanan kes-kes rasuah dan lain-lain.

(e) Penangguhan separuh jalan hendaklah dielak seberapa yang boleh. Malah semua penangguhan hendaklah dianggap sebagai "exceptiaon rather than the rule".

Sayugia diulangi bahawa di dalam pentadbiran keadilan, bukansahaja keputusan yang adil itu perlu, tetapi keputusan yang adil dan segera adalah penting.

Saya yang menurut perintah,

(Haji Wan Mohamed b. Hj Wan  
Mustapha)  
Ketua Pendaftar.

s.k

- 1) Yang Amat Arif, Ketua Hakim Negara.
- 2) Yang Arif, Hakim Besar Malaya.
- 3) Yang Arif, Hakim Besar Perneo.
- 4) Yang Arif, Tuan-tuan Hakim Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- 5) Yang Arif, Tuan-tuan Hakim Mahkamah Tinggi, Malaya.
- 6) Pendaftar Mahkamah Tinggi, Borneo, Kuching, Sarawak.
- 7) Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Berneo, Kota Kinabalu, Sabah.
- 8) Semua Penolong Kanan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya.